

TAJUK ; RUMAH KELANTAN
PERBEZAAN CIRI-CIRI SINIBINA DI
TAMAN MINI MALAYSIA DENGAN YANG
ASAL.

oleh: NORAZHAN BIN MOHD YUSUS
87885842
DIPLOMA SENIBINA
TAHUN 4 SEMESTA 08
SESSI JULAI- DISEMBER 1991
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

ISIKANDUNGAN

MUKA SURAT

SEPATAH KATA.....	II
KAJIAN RUMAH MELAYU TRADISI.....	III
UCAPAN PENGHARGAAN.....	IV
Pengenalan Kajian.....	V
. SINOPSIS.....	V
. MATLAMAT.....	VII
. SKOP.....	VIII
. METHODOLOGI.....	IX
PENDAHULUAN.....	1
SEJARAH RUMAH TRADISIONAL.....	5
SEJARAH AWAL 'SENIBINA MELAYU'.....	7
SENIBINA MELAYU TRADISIONAL SECARA UHUM.....	11
KONSEP KESENIAN MELAYU.....	13
SENIBINA RUMAH TRADISIONAL DI MALAYSIA.....	16
TINJAUAN SENIBINA MELAYU TRADISI KELANTAN	
. KONSEP PENGARUH DALAM PERANCANGAN	
DAN FUNGSINYA.....	19
. PENGGALAN TIANG.....	25
. PENGGALAN BADAN.....	34
. KOMPONAN BANGUNAN.....	42
KAJIAN CONTOH- RUMAH KELANTAN DI TAMAN	
MALAYSIA	
MINI MALAYSIA	
- HAK MILIK DAN PENGENALAN	44
. ANJUNG.....	51
. RUMAH IBU.....	55
. RUANG KEMBAT.....	62
. RUANG TENGAH.....	63
. RUANG LANTAI BASAH.....	67
. RUANG DAPUR.....	75
. RUANG SELESAR.....	81
. BAHAGIAN LAMBOR.....	85
PERUBAHAN YANG TELAH DILAKUKAN.....	92
KAJIAN PERBANDINGAN.....	
PENUTUP	
. KESIMPILAN.....	110
. KOMEN.....	114
. CADANGAN.....	117
BIBLIOGRAFI	

Tajuk :Rumah Kelantan

Perbezaan ciri-ciri senibina di Taman Mini Malaysia dengan Yang asal.

SINOPSIS

Kajian meliputi:

Kajianrumah tradisional atau rumah Kelantan ini lebih kepada kajian untuk memahami ciri-ciri senibina lama dan juga kepada aspek ujudnya ciri-ciri yang telah diubah-suai atau lebih dikenali binaan masa kini.

Diantara lain kajian ini juga meliputi;

1. Sejarah keujudan rumah tradisional di Malaysia dan bukti-bukti sejarah.
2. Sejarah awal senibina melayu dan konsep kesenian melayu.
3. Tinjauan senibina melayu tradisi Kelantan . Pada bahagian ini akan diterangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan rumah tradisi Kelantan yang asli atau benar.
4. Kajian terhadap rumah tradisi yang diterapkan di Taman Mini Malaysia di Melaka. Dibahagian ini setiap aspek akan disentuh untuk memberi gambaran yang lebih jelas sejauh mana keaslian yang dibuat mengikut ciri-ciri senibina asal dan memberi gambaran akan kejayaan atau kegagalan penerapan yang dibuat.
5. Kajian contoh rumah bandingan.

6. Kajian keatas lukisan terukur dan butiran jelas.
7. Komen dan sebab.
8. Cadangan.

KATLAMAT

Kajian ini lebih tertumpu kepada rumah tradisi Kelantan yang terdapat Di Taman Mini Malaysia. Langkah kerajaan mengumpulkan dan membina semula rumah-rumah lama ini amat dipuji. Ia memberi gambaran kepada pelancung akan identiti rumah-rumah tradisi di Malaysia. Tetapi sejauh manakah penerapan atau keaslian yang dibuat benar-benar melambangkan ciri-ciri tradisional yang sebenar.

Kajian ini dibuat dengan mengambil aspek -aspek diantara lain bertujuan;

1. Memberi gambaran dan penerangan yang lebih jelas ciri-ciri senibina rumah Kelantan yang sebenar.
2. Sebagai peringatan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu bahawa betapa sensitifnya senibina lama di dalam penerapan era pembangunan moden sekarang.
3. Menyingkap kembali akan kesenian terutama dari segi istilah lama yang hampir pupus.